



SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

THE NUCLEAR EDGE

SERI ISKANDAR, 30 JUN 2025 – Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) meneruskan penganjuran MOSTI Tech Talks siri ke-5 dengan topik, **‘The Nuclear Edge’** bertempat di Bilik Seminar 7 dan 8, Undercroft, Universiti Teknologi PETRONAS (UTP), Seri Iskandar, Perak.

Dalam ucapannya, YB Tuan Chang Lih Kang, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, berkata “tenaga nuklear adalah contoh jelas bagaimana sains dan inovasi boleh diterjemahkan kepada impak sebenar dalam dunia nyata. Ia mencerminkan jenis ekosistem teknologi mendalam (*deep-tech*) yang ingin kita bina—iaitu ekosistem yang selamat, inklusif dan berpandangan jauh ke hadapan. Penggunaan Aman Nuklear bermakna Malaysia bersedia untuk menggunakan sains nuklear dengan cara yang selamat, bertanggungjawab dan aman. Ia bukan sekadar berkaitan tenaga semata-mata, ia turut menyokong sektor kesihatan, pengeluaran makanan, perlindungan alam sekitar dan industri berteknologi tinggi negara”.

Program diteruskan dengan perkongsian oleh YB Menteri sebagai panel utama dengan topik ‘The Nuclear Edge’. Seterusnya melalui panel kedua, Lee Yuh Jiunn, Pengurus Besar Billion Prima Sdn Bhd, sebuah syarikat Malaysia yang pakar dalam pembangunan dan penyediaan teknologi pengimbasan keselamatan seperti pengimbas kargo dan bagasi X-ray, sistem Pengesanan Aksara Optik (OCR), serta pengesanan radiasi. Dengan pengalaman melebihi 15 tahun dalam sektor ini, beliau telah memainkan peranan penting dalam mentransformasikan syarikat daripada penyedia perkhidmatan kepada pengeluar bersepadu sepenuhnya yang merangkumi penyelidikan dan pembangunan, fabrikasi, pemasangan dan penyelenggaraan selepas jualan. Dalam sesi perkongsian beliau, Lee turut mengetengahkan aplikasi teknologi berasaskan nuklear serta potensi penggunaannya dalam memperkukuh keselamatan dan kecekapan sistem pengesanan di pelbagai sektor. Produk-produk beliau juga telah mendapat pensijilan MySTI, iaitu sebuah inisiatif Kerajaan untuk memperkasakan lagi aktiviti pengkomersialan teknologi dan inovasi tempatan.

Segmen terakhir adalah sesi soal jawab yang berlangsung dengan pelbagai soalan menarik daripada para peserta. Sesi ini dikendalikan oleh Dr. Julia binti Abdul Karim Pengarah Bahagian Sokongan Teknikal, Agensi Nuklear Malaysia.

Selaras dengan prinsip MADANI sebagai panduan dan fokus MOSTI yang berteraskan kepada konsep P.R.E.C.I.S.E - People Centric, R&D, Enculturate, Capacity Building, Investment dan Start-ups Ecosystem - yang diperkenalkan oleh YB Menteri sejak tahun 2023, setiap program yang dilaksanakan hendaklah memberi manfaat langsung kepada rakyat.

Pendekatan ini memastikan sains, teknologi dan inovasi (STI) dapat dirasai dan dimanfaatkan oleh segenap lapisan masyarakat dalam kehidupan seharian. Bagi menyokong aspirasi ini, **MOSTI Tech Talks 2025** telah diperkenalkan dengan YB Tuan Chang Lih Kang, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, sebagai panel utama.

Program siri kelima Tech Talks pada hari ini turut dihadiri oleh pengurusan tertinggi MOSTI dan pengurusan UTP. Sambutan yang amat menggalakkan, dengan kehadiran lebih 300 peserta, termasuk kakitangan UTP dan pelajar-pelajar universiti. MOSTI Tech Talks menjadi platform penting untuk menyebarkan pengetahuan STI serta menggalakkan interaksi langsung antara kepimpinan kementerian dan masyarakat akademik.

#TAMAT#

Dikeluarkan oleh:

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI
30 JUN 2025